



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2014/04/13 (HQ)

TNB BERTEMU PENGGUNA TERENGGANU

Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini menganjurkan Program Bersama Komuniti (COP – *Community Outreach Program*) Peringkat Negeri Terengganu sebagai platform untuk berkongsi maklumat dan perkembangan terkini operasi harian TNB tempatan.

Program berteraskan interaksi antara TNB dan komuniti serta pemimpin masyarakat tempatan adalah bertujuan mewujudkan hubungan dua hala yang erat selain mendapatkan maklum balas daripada para pengguna dan pemimpin-pemimpin komuniti tempatan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan TNB kepada masyarakat.

Program COP yang berlangsung di Seberang Takir, Kuala Terengganu, ini dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sains dan Teknologi, Alam Sekitar, Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air Negeri Terengganu, Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Takir, Yang Berhormat Dato' Ahmad Razif Abd Rahman.

Pengurus Besar Kanan (Operasi Wilayah 2), Bahagian Pembahagian TNB, Abdul Aziz Abdul Majid, dalam ucapannya berkata, TNB sentiasa memberikan tumpuan kepada penyediaan bekalan elektrik yang berdaya harap dan berkualiti tinggi di samping memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna.

Tambah beliau, bagi memastikan bekalan elektrik di seluruh negeri ini adalah berdaya harap, hampir RM33.3 juta diperuntukkan bagi pengukuhan sistem bekalan elektrik, penyediaan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang-pencawang. TNB akan terus meningkatkan prestasi pembekalan elektrik agar boleh berdaya saing untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negeri ini.

Sejak diperkenalkan pada 2005, TNB telah melaksanakan 136 program COP di seluruh Semenanjung Malaysia.

Dikeluarkan di Kuala Terengganu, Terengganu pada 24 April 2014

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md. Derus Bunchit (019-266 2296) /

Maizatul Nadiyah Saadon (017-381 6602) / Raja Mohd Aman Shah Raja Mohd Tahir (019-2168687)